

Kenyataan Tender Bil. 12/2026

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2026/A044	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) Untuk Harta Milik Datuk Bandar Dan Premis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 220801 (Perlu Lesen KDN) (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 09 April 2026 (Khamis) <u>12.00 Tengah Hari – 1.00 Petang</u> Auditorium, Tingkat 4, Menara Penguatkuasa DBKL, No.17, Jalan Yaakob Latif, 56000 Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 28 April 2026 (Selasa)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor.
4. Dokumen Tender boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
5. Kehadiran ke Sesi Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil seperti berikut:-**
 - i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia
 - ii. Cop Syarikat (Rubber Stamp)
 - iii. Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil
 - iv. Salinan Sijil KDN

6. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
7. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
8. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 3 April 2026 (Jumaat)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my